

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian mengenai rumah PPAM Melinjau, Presint 11J Putrajaya yang telah siap, tapi tidak sesuai diduduki oleh penduduk mahupun pembeli dan masalah parkir yang belum selesai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, Perumahan Perkhidmatan Awam (PPAM) Melinjau terdiri daripada 650 unit rumah dengan harga jualan maksimum RM260,000 seunit.

Pembangunan ini telah diserahkan kunci kepada pembeli pada 4 Ogos 2019. Tempoh tanggungan kecacatan (DLP) bagi projek ini akan berakhir pada 28 Julai 2021. Ini bermakna projek ini masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 2 tahun dari tarikh serahan pemilikan kosong (VP).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementeria Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Putrajaya (PPj) akan meneliti secara menyeluruh ke atas isu kecacatan yang meliputi aspek-aspek berikut:-

- 1) Kecacatan kerja bagi unit kediaman;
- 2) Kecacatan kerja di kawasan awam; dan
- 3) Kebimbangan ke atas struktur bangunan yang berkemungkinan memberi kesan terhadap keselamatan bangunan.

PPj bersama pembeli telah menjalankan lawatan pemeriksaan bersama dan menyenaraikan semua kecacatan-kecacatan meliputi perkara-perkara di atas. Laporan kajian tersebut telah disiapkan dan kerja-kerja pembaikan akan dibuat berdasarkan kepada laporan kecacatan tersebut.

PPj telah mengadakan 8 siri mesyuarat bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan terakhir telah diadakan pada 14 Oktober 2020. Keputusan telah dibuat supaya pihak KPkt menyalurkan dana kepada pemaju secara berperingkat sebaik sahaja kerja-kerja pembaikan kecacatan siap dilaksanakan.

PPj akan memperakukan kerja-kerja pembaikan kecacatan yang telah mematuhi spesifikasi melalui pemantauan yang ketat.

PPj juga telah meminta pihak JKR membuat pemeriksaan forensik bangunan bagi menilai kestabilan ke atas bangunan tersebut yang telah dijalankan pada 22 Oktober 2020. Hasil pemeriksaan awalan mendapat kualiti kerja kemasan adalah teruk. Laporan terperinci akan dikemukakan oleh JKR dalam masa terdekat. Ini bagi memberi tahap kepuasan hati penduduk berkaitan struktur keselamatan bangunan.

Sebagai tambahan, PPj akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta bagi penyediaan Tempat Letak Kereta (TLK) tambahan sebanyak 1,433 TLK keseluruhannya untuk penduduk-penduduk PPAM di Putrajaya termasuk PPAM Melinjau. Sekian, terima kasih.